



28 Ogos 2018
28 August 2018
P. U. (A) 207

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGENAAN CUKAI JUALAN BERKENAAN DENGAN KAWASAN KHAS) 2018

SALES TAX (IMPOSITION OF SALES TAX IN RESPECT OF SPECIAL AREAS) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGENAAN CUKAI JUALAN BERKENAAN DENGAN
KAWASAN KHAS) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 57
Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Jualan (Pengenaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Khas) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2018.

Pengenaan cukai jualan

2. (1) Cukai jualan yang hendak dikenakan dan dilevikan hendaklah pada kadar yang ditetapkan di bawah subseksyen 10(2) Akta—

(a) ke atas barang-barang dalam Jadual A yang diimport dan untuk digunakan atau diguna pakai di dalam suatu zon bebas di bawah seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*]; atau

(b) ke atas pengimportan wain, spirit, bir, minuman keras malta, tembakau dan hasil tembakau ke dalam Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir.

(2) Jika apa-apa persoalan timbul sama ada apa-apa barang tertentu dimasukkan atau tidak dalam Jadual A, persoalan itu hendaklah diputuskan oleh Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

JADUAL A

1. Trak angkat susun
2. Kren
3. Peralatan atau perabot pejabat
4. Peralatan pemadaman kebakaran dan pengawalan pencemaran
5. Kenderaan bermotor dan alat ganti
6. Petroleum dan produk petroleum
7. Tayar
8. Bahan letupan dan bahan kimia
9. Peralatan hawa dingin
10. Alat bantu pengilangan
11. Semua barang yang tidak digunakan secara langsung dalam aktiviti yang diluluskan di bawah Jadual Pertama dan Kedua Akta Zon Bebas 1990.

Dibuat 28 Ogos 2018
[Perb. R.0.3865/356/1 Jld. 1(SK.8); PN(PU2)751]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (IMPOSITION OF SALES TAX IN RESPECT OF SPECIAL AREAS) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by section 57 of the Sales Tax Act 2018 [*Act 806*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Sales Tax (Imposition of Sales Tax in respect of Special Area) Order 2018**.

(2) This Order comes into operation on 1 September 2018.

Imposition of sales tax

2. (1) Sales tax to be charged and levied shall be at the rate fixed under subsection 10(2) of the Act—

(a) on imported goods specified in Schedule A and to be used or consumed in the free zone under section 2 of the Free Zones Act 1990 [*Act 438*]; or

(b) on the importation of wine, spirit, beer, malt liquor, tobacco and tobacco products into Tasik Kenyir Duty Free Area.

(2) If any question arises as to whether any particular goods are included or not in Schedule A, such question shall be decided by the Minister whose decision shall be final.

SCHEDULE A

1. Forklifts
2. Crane
3. Office equipment or furniture
4. Firefighting and pollution control equipment
5. Motor vehicles and spare parts
6. Petroleum and petroleum products
7. Tyres
8. Explosives and chemicals
9. Air conditioning equipment
10. Manufacturing aids
11. All goods which are not used directly in the activities approved under the First and Second Schedules of the Free Zones Act 1990.

Made 28 August 2018
[Perb. R.0.3865/356/1 Jld. 1(SK.8); PN(PU2)751]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance